



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

22 Jamadilawal 1443 / 27 Disember 2021

1. Pada hari ini, Isnin 22 Jamadilawal 1443 bersamaan dengan 27 Disember 2021, sebanyak **11 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,458 orang.**
  - Daripada jumlah tersebut, **10** adalah kes tempatan manakala **1** adalah kes import.
  - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **1,121 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **1.0%.**
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **tidak ada kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **satu kes masih dalam Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan dan

bantuan mesin tambahan *heart/lung machine*, ECMO di Unit Rawatan Intensif).

3. **5 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,260 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **98 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **2.4%**.
4. Sehingga kelmarin, 26 Disember 2021, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
  - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.4%**;
  - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **92.9%**; manakala
  - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **14.8%**.
5. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak bagi perkhidmatan rumah-ke-rumah akan dijalankan minggu ini bagi penduduk-penduduk yang tidak dapat menerima vaksinasi di klinik disebabkan masalah kesihatan atau kesukaran bergerak. Perkhidmatan rumah-ke-rumah ini akan dijalankan di beberapa

Mukim dari jam 9:00 pagi hingga 2:30 petang pada tarikh-tarikh berikut:

- 27 Disember 2021 – Mukim Kota Batu dan Mukim Berakas 'A'.
- 28 Disember 2021 – Mukim Berakas 'A', Mukim Berakas 'B', Gadong 'A' dan Mukim Kuala Belait.
- 29 Disember 2021 – Mukim Berakas 'A', Mukim Berakas 'B', Mukim Kianggeh, Mukim Kota Batu dan Mukim Liang.
- 30 Disember 2021 – Mukim Mentiri dan Mukim Gadong 'A'.

Penduduk yang memenuhi kriteria bagi perkhidmatan rumah ke rumah ini akan lebih awal dihubungi oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi saringan awal, dan mereka adalah diminta untuk memberikan nombor kad pengenalan atau passport, serta kad (atau nombor) Bru-HIMS, jika ada.

6. Seterusnya, untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai keberadaan kes-kes positif yang dikesan di negara ini, Kementerian Kesihatan ingin mengongsikan sedikit hasil penelitian yang telah dijalankan. Sebagaimana yang tertera pada skrin sekarang, di antara **19 Disember 2021 sehingga 25 Disember 2021**, Alhamdulillah, **tidak ada mukim mempunyai lebih daripada**

**40 kes, di mana 16 mukim (41.0%) mempunyai jumlah kes di antara 1-40 kes dan 23 mukim (59.0%) mempunyai kes sifar.**

***(epidemic map on screen)***

7. Sementara itu, sejak 22 November 2021, Kementerian Kesihatan telah mempunyai keupayaan sendiri untuk melaksanakan *gene sequencing* terhadap kes-kes positif yang dikesan di Negara Brunei Darussalam ini iaitu satu kaedah makmal yang dilakukan untuk mengenalpasti varian SARS-CoV-2 yang ada di negara ini. Setakat kelmarin, 26 Disember 2021, *gene sequencing* telah dilakukan terhadap 252 sampel yang mana 244 daripadanya didapati adalah varian *Delta* manakala 8 sampel adalah varian *Omicron* termasuk 7 kes varian *Omicron* yang baru disahkan hari ini. Setakat ini, semua kes varian *Omicron* yang dikesan di negara ini adalah kes-kes yang diimport dari luar negara manakala kes-kes varian *Delta* adalah terdiri dari kes-kes tempatan dan luar negara. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan ingin sekali lagi menasihatkan orang ramai agar tidak cemas dengan pengesanan kes-kes varian *Omicron* di negara ini. Langkah-langkah pencegahan dan pengawalan bagi apa jua varian-varian COVID-19 adalah sama. Oleh itu, teruslah mengambil langkah berjaga-jaga seperti memakai sungkup muka,

kerap mencuci tangan, amalkan penjarakan fizikal dan elakkan daripada pergi ke tempat-tempat yang sesak. Apa yang penting ialah bagi sesiapa yang telah melengkapkan dua dos vaksin untuk mendapatkan suntikan dos ketiga atau dos penggalak sebaik saja layak menerimanya iaitu tiga bulan selepas dos kedua diperolehi. Kajian saintifik mendapati pemberian dos ketiga atau dos penggalak mampu meningkatkan daya tahan atau imuniti badan terhadap jangkitan COVID-19, termasuk varian Omicron.

8. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 1 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **ianya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.
9. Marilah kita sama-sama mematuhi segala garispanduan dan arahan pihak Kerajaan semasa fasa awal endemik ini. Semoga rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan terselamat dari segala musibah dan mara bahaya khususnya dari wabak COVID-19...Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 22 Jamadilawal 1443H / 27 Disember 2021